

Kanak-kanak gelandangan 11 tahun positif dadah

June 18, 2016, Saturday



BANTU: Fatimah (dua kiri) bercakap dengan gelandangan yang ditemui di Dataran Esplaned Bintulu semasa operasi mencari gelandangan malam kelmarin.

BINTULU: Seorang kanak-kanak berusia 11 tahun dan ibunya didapati positif dadah ketika ditemui hidup terbiar dalam Operasi Cari Gelandangan di pusat bandar di sini, kelmarin.

Operasi diketuai Menteri Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Masyarakat, Datuk Fatimah Abdullah dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) itu turut disertai Timbalan Residen (Sosial) Bintulu, Richard Michael Abunawas dan Penolong Pengurus Besar (Khidmat Alam Sekitar), Wan Ibrahim Wan Ali.

Mengulas mengenainya, Fatimah menjelaskan, pada operasi di Kuching minggu lepas kanak-kanak gelandangan berusia 18 tahun ke bawah termasuk kanak-kanak ditemui bersama ibunya di Bintulu didapati tidak bersekolah.

“Kanak-kanak ini berhak mendapat pendidikan tetapi mereka tidak bersekolah. Malah apabila ujian air kencing dilakukan AADK, kedua-duanya positif dadah,” ujarnya ditemui media di sini semalam.

Beliau berkata, keadaan ini memberi gambaran bahawa masalah gelandangan tidak harus dibiarkan berterusan walau dalam bilangan kecil.

“Kita jumpa bukan sahaja golongan gelandangan tetapi masalah serius lain berkaitan penyalahgunaan dadah,” tambahnya.

Justeru katanya, pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mengambil tindakan sewajarnya disebabkan kanak-kanak ini berumur 11 tahun dan ibunya didapati positif dadah.

“Saya melihat gelandangan satu isu bukan hanya tentang keadaan daif, tiada tempat tinggal, makan tidak menentu, tiada wang dan jadi pengemis namun mudah terdedah kepada unsur negatif seperti penyalahgunaan dadah.

“Saya memikirkan kalau seseorang itu tiada duit tetapi menagih dadah, apa akan terjadi? Maknanya isu ini saling berkaitan. Ia satu masalah yang harus kita ambil serius,” katanya.

Mengenai kes mental melibatkan seorang gelandangan di sini, katanya, ia perlu ditangani cara berbeza dan doktor yang ditugas akan membuat pemeriksaan tahap mental sama ada perlu dihantar ke rumah pesakit mental di Batu 7 Kuching atau sebaliknya.

Kata Fatimah, mengenai gelandangan berusia 60 tahun ke atas, tiada keluarga tempat tinggal, mereka akan ditempatkan di Rumah Seri Kenangan di Sibu atau Kuching.

Manakala gelandangan berumur 18 tahun ke bawah, jelasnya akan ditempatkan di Rumah Kanak-Kanak Datuk Ajibah Abol Sri Aman dan kanak-kanak lelaki berumur 10 tahun ke atas ditempatkan di rumah kebajikan di Kuching.

“Jika kanak-kanak perempuan atau lelaki bawah 10 tahun, mereka akan dihantar ke Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Norkiah. Manakala bagi yang berumur umurnya 18 hingga 59 tahun, kerajaan tempatkan mereka di Desa Bina Diri di Samarahan,” jelasnya.

Menjelas mengenai nasib kanak-kanak gelandangan, kata Fatimah, jika ia berpunca kerana masalah keluarga, mereka akan diberi kaunseling dan dihantar semula ke pangkuan keluarga masing-masing.

“Namun jika kerana masalah lebih besar, tiada keluarga atau adik-beradik mereka akan dihantar ke pusat disedia kerajaan.

“Tujuan operasi ini untuk memberi bantuan dan pemulihan misalnya kes kanak-kanak terlibat dadah akan ditempatkan di Sekolah Tunas Bakti.

“Dengan cara pemulihan dan latihan kemahiran, mereka diharap pulih sepenuhnya serta berubah untuk mendapatkan kehidupan baharu,” tambahnya.

Dalam operasi malam kelmarin menemui empat gelandangan melibatkan seorang ibu dengan anaknya, warga emas dan seorang mengalami masalah mental.

Operasi itu turut disertai JKJ, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Kesihatan Bahagian Bintulu, Hospital Bintulu, Pejabat Residen dan Daerah Bintulu, AADK dan sukarelawan.

Operasi itu menumpu di pusat bandar lama hingga ke Dataran Esplaned, Parkcity Commercial Square, Medan Jaya dan kawasan Terminal Bas Bintulu.

Fatimah turut memaklumkan yang pihaknya akan mengkaji cadangan mewujudkan pusat perlindungan sementara seperti Anjung Singgah di Bintulu sekiranya ada keperluan berkaitan masalah gelandangan di bandar tersebut.

Katanya, isu gelandangan perlu diberi perhatian serius meskipun bilangan tidak besar kerana ia masalah sosial yang perlu diberi perhatian dan pendekatan.

Mengenai operasi itu katanya, ia telah diadakan di Kuching dua kali dan kali ini di Bintulu dengan harapan operasi sama akan dapat dibuat dibahagian lain.

Jelasnya, respons orang ramai menunjukkan orang awam peka dan mahukan isu itu ditangani yang mana mereka turut memaklumkan kawasan yang ada gelandangan.